



KENYATAAN MEDIA

RM282,000 BANTUAN MADANI KEPADA 81 BADAN SUKAN, RM178,000 INSENTIF RAI KEJAYAAN ATLET WILAYAH PERSEKUTUAN

Kuala Lumpur, 14 APRIL 2026: Kerajaan menerusi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menyalurkan Bantuan MADANI berjumlah RM282,000 kepada 81 badan sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi tahun 2026.

Majlis penyampaian bantuan tersebut telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh di BoraOmbak, Putrajaya hari ini.

Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa Bantuan MADANI bukan sekadar peruntukan, tetapi merupakan “dana amanah” yang menuntut pengurusan berintegriti serta tadbir urus yang lebih berkesan dalam kalangan badan sukan.

“Setiap sen yang dibelanjakan datang daripada rakyat. Sebab itu amanah ini tidak boleh diambil ringan,” katanya.

Selain itu, beliau turut memaklumkan bahawa Penarafan Bintang Badan Sukan Wilayah Persekutuan sedang dilaksanakan bagi tempoh 2025 hingga 2026 sebagai penanda aras kepada aspek tadbir urus organisasi, pengurusan kewangan dan prestasi sukan.

Menurut beliau, badan sukan yang mencapai penarafan tinggi akan menerima pengiktirafan serta insentif tambahan pada tahun hadapan.

Dalam majlis yang sama, seramai 103 atlet Wilayah Persekutuan yang mewakili negara ke Sukan SEA Ke-33 Thailand 2025 telah menyumbang 77 pingat iaitu 19 emas, 24 perak dan 34 gangsa.

Bagi Sukan Para ASEAN Ke-13 2025 pula, seramai 8 atlet telah menyumbang 17 pingat iaitu 3 emas, 3 perak dan 11 gangsa.

Sebagai penghargaan, sejumlah RM178,000 insentif telah disampaikan kepada atlet yang berjaya, merangkumi RM157,900 kepada pemenang Sukan SEA dan RM20,100 kepada pemenang Sukan Para ASEAN.

Turut diumumkan, atlet para badminton negara, Cheah Liek Hou akan menerima insentif khas berjumlah RM20,000 atas kejayaan beliau dalam Kejohanan Badminton Para Dunia BWF 2026.

Mengulas hala tuju sukan, beliau menekankan kepentingan persiapan menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 di Selangor yang kini hanya berbaki 123 hari.

“Kita hanya dipisahkan satu pingat emas daripada kedudukan teratas sebelum ini. Kita perlu datang dengan keyakinan, bukan sekadar untuk bersaing tetapi untuk memberikan yang terbaik demi Wilayah Persekutuan,” katanya.

Majlis ini turut menjadi platform penting dalam mengiktiraf pencapaian atlet serta memperkukuh kerjasama antara semua pemegang taruh dalam ekosistem sukan Wilayah Persekutuan.

TAMAT

Untuk sebarang pertanyaan / maklumat tambahan, boleh hubungi Pegawai Penerangan MSWP, Jumiaty binti Rosly (012-6548155).